

## 33 peserta dipilih utk saringan adubakat Eksposisi

-9 APR 1981

SERAMAI 33 orang peserta telah dipilih untuk menyertai saringan peraduan adubakat bahagian solo di Eksposisi Persatuan Seni Silat Singapura (Persisi) di Geylang.

Dari bilangan itu, pengaruh adubakat tersebut, Le Mans Studio akan memilih 20 orang peserta untuk ke pusingan separuh akhir yang akan diadakan Isnin depan.

Seramai 12 orang peserta dari pusingan itu pula akan dipilih untuk memasuki pusingan akhir yang akan diadakan pada 18 April (Sabtu).

Pada Selasa malam lalu, seramai 12 orang peserta pusingan saringan telah menunjukkan bakat masing-masing. Satu lagi saringan akan diadakan pada Sabtu ini.

### Peluang

Menurut seorang pegawai pengaruh peraduan itu, Encik Marjuni Saman, di samping pusingan akhir adubakat bahagian solo, satu peraduan pakaian tradisional dan pertandingan binabadan untuk lelaki akan turut diadakan pada malam 18 April.

Sementara itu, peringkat akhir juara kugiran pula akan diadakan pada 17 April.

Encik Marjuni menyatakan bahawa para penonton juga akan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik dalam peraduan meneka para pemenang adubakat bahagian solo.

## Pesta silat Asean di KL 22 APR 1981 9 Mei

✓ Pencak Silat

BANTING, Selasa. — Pesta Seni Silat Asean yang pertama akan diadakan di Kuala Lumpur pada 9 Mei depan.

Pesta tersebut, anjuran Seni Silat Gerak Suci Selangor di bawah naungan Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah, tertujuan mempopularkan seni silat di kalangan negara-negara anggota Asean.

Seorang jurucakap Pengelola, Encik Mokhtar Affendi, menyatakan di sini hari ini, semua negara anggota Asean telah pun menyatakan persetujuan masing-masing untuk menghantar wakil ke pesta tersebut.

Sebahagian dari perwakilan seramai 20 orang dari Indonesia telah pun berada di negara ini.

Sebanyak 12 buah kumpulan seni silat akan mewakili Malaysia, katanya. — Bernama.

✓ Pencak Silat

## Pendekar2 ASEAN di KL malam Ahad ini

-6 MAY 1981

✓ Pencak Silat

KUALA LUMPUR, Selasa — Kesemua negeri di Semenanjung Malaysia akan mengambil bahagian dalam Kejohanan Demonstrasi Dunia Silat Malaysia dan Serantau di Stadium Negara di sini malam Ahad ini.

Acara pertandingan seni-silat itu akan memperlihatkan warisan semangat kepahlawanan yang diturunkan oleh pendekar-pendekar Melayu silam kita.

Pendekar-pendekar dari lima buah negara ASEAN juga akan turut berada tenaga di samping mendemonstrasikan kelincinan jurus serta gerak silat negara masing-masing.

Menurut satu kenyataan akhbar yang

dikeluarkan hari ini, inisiatif mengadakan demonstrasi serta pertandingan seni-silat tersebut telah dibuat oleh Yang Dipertua Persatuan Alam Persilatan dan Kebudayaan Seni Gerak Suci Selangor (Geraksuci), Tuan Guru Mukhtar Affandi Muhamad.

Tujuan utama demonstrasi dan pertandingan itu adalah bukan setakat melihat keindahan seni mempertahankan diri dari negara-negara berkenaan, juga untuk mengeratkan perhubungan persaudaraan antara pendekar dari negara-negara berkenaan.

Kumpulan Filipina akan memperlihatkan seni-silat Arnis De Mano dan Kumpulan S. Buyung dari Indonesia akan mempersesembahkan silat yang dikenali sebagai "Silat Bonjol".

Negara Thai pula akan memperlihatkan Tinju Siam dan Malaysia akan menunjukkan seni silat Gerak Suci, Depowoojo, Kegayungan Aceh Helang Putih serta silat rancak Bunga Raya Aceh Bugis.

Kumpulan dari Singapura merahsiakan nama silat yang akan mereka persembahkan.

Piala-piala kemenangan, sijil-sijil penyertaan serta sumbangan hadiah wang tunai akan disampaikan oleh Setiausaha Politik Kepada Menteri Perusahaan Awam, Encik Saidin Tamby diupacara penutup kejohanan itu.

Tiket-tiket berharga \$10, \$5, \$3 dan \$1 boleh dibeli di Wisma Mishah, 132, Jalan Raja Abdullah, Kuala Lumpur, Sekolah Kebangsaan Jalan Pasar, Kuala Lumpur dan dipintu masuk Stadium Negara.